

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KAPAR)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan komitmen atau kerangka khusus untuk golongan belia dalam membina peluang kerjaya pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan telah menggarapkan Agenda Pemerksaan Belia Nasional sebagai satu kerangka khusus untuk belia menghadapi pasca COVID-19. Agenda ini dilaksanakan melalui usaha dan inisiatif meliputi empat (4) dimensi utama iaitu: Peluang Pekerjaan; Penciptaan Pekerjaan; Latihan dan Kemahiran; serta Dana dan Kemudahan.

Dimensi ini seterusnya disokong pelaksanaannya melalui inisiatif Kerjasama Rentas Kementerian (KRK) yang digerakkan oleh KBS melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti bagi memastikan belia terus mendapat manfaat daripada semua inisiatif yang dilaksanakan kerajaan. Pelan ini dirangka selaras dengan Pelan Strategik KBS 2021-2025 yang memberi tumpuan ke arah pemerksaan

SOALAN NO : 52

anak muda dengan fokus untuk meningkatkan peluang pekerjaan, kualiti serta kesejahteraan hidup belia dalam tempoh lima (5) tahun ini.

Pembudayaan keusahawanan dan penciptaan kerjaya belia dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak dan akan diteruskan inisiatifnya demi menjaga kelangsungan kesejahteraan hidup golongan belia. Sebagai contoh, beberapa program telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Program Skim Perantisan Nasional (SPN) melibatkan inisiatif rentas tiga Kementerian iaitu: KBS; KSM dan KKR. SPN merupakan satu program yang memberikan peluang kepada perantis mendapatkan pengalaman bekerja di sektor swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Perantis diberi pendedahan kepada situasi kerja sebenar dengan bimbingan dan pemantauan pegawai yang kompeten serta berpengalaman;
- ii. Program MyGIG inisiatif yang telah dilaksanakan melalui platform ekonomi GIG di mana KBS bekerjasama dengan MDEC melaksanakan program MyGIG sebagai salah satu inisiatif mencipta peluang pekerjaan kepada belia dalam tempoh PKP sehingga kini;
- iii. Program Pembangunan Kesusahawanan *Malaysia Youth Entrepreneur* (MyPRENEUR) dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) bagi melonjakkan potensi belia untuk menjadi usahawan berjaya;
- iv. Program Webinar Jom Cipta Kerja dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan peluang penciptaan pekerjaan dalam konteks: keusahawanan; pertanian; dan ekonomi digital secara langsung kepada belia; dan
- v. Program Webinar Inspire! Kerjaya Agro dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk memberikan pendedahan

SOALAN NO : 52

dan menyampaikan maklumat kepada para belia tentang peluang kerjaya dalam bidang pertanian (agromakanan).

- vi. Selain itu, KBS terus memperkukuhkan pelaksanaan membangunkan bidang kemahiran belia untuk memenuhi keperluan penciptaan kerjaya dalam bidang-bidang baru di mana industri memainkan peranan membuka lebih banyak ruang dan peluang serta pendedahan melalui program *Bootcamp* KBS. Program *Bootcamp* dilaksanakan secara intensif selama satu (1) hingga tiga (3) bulan bersama rakan strategik industri (yang menjadi majikan) dengan jaminan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.